

Mohd Richard Neles Abdullah
mrichardn33@yahoo.com.my

1. TAJUK INOVASI

Buku Amalan HB&K Bermanual (Pendidikan Moral)
(Tempat Pertama Kategori Pensyarah)

2. OBJEKTIF

1. Memupuk amalan hubungan baik dan kerjasama dalam kalangan pelajar dan semua anggota masyarakat.
2. Meningkatkan kefahaman pelajar dan semua anggota masyarakat terhadap prinsip-prinsip asas dalam membina hubungan baik melalui amalan kerjasama dan komunikasi.
3. Meningkatkan penghayatan nilai murni bekerjasama dalam kalangan pelajar dan semua anggota masyarakat.
4. Memupuk kemahiran pemikiran aras tinggi dan amalan pedagogi abad ke-21.

3. KEDUDUKAN SEBELUM INOVASI DILAKSANAKAN

Semasa saya mengajar Kursus Pendidikan Moral (GPM1083) untuk PPISMP pada semester pertama sesi 2016 bagi sesuatu nilai moral termasuk nilai bekerjasama, kedapatan agak ramai pelajar yang seringkali mengelak daripada berdampingan dengan rakan sekelas. Ramai dalam kalangan mereka yang langsung tidak mahu bekerjasama dalam aktiviti berkumpulan ketika P&P sedang berlangsung. Contohnya, pasti ada sahaja sebilangan pelajar yang kelihatan memencarkan diri dan tidak selesa ketika aktiviti kumpulan dilaksanakan. Hal yang sama turut saya perhatikan dalam kalangan kumpulan PISMP (mentor saya). Saya menyedari perkara ini mempunyai kaitan dengan aspek kemahiran asas hubungan manusia yang menjurus kepada amalan bekerjasama pelajar yang kurang diterapkan dalam p&p. Mengajar melalui ceramah ringkas menggunakan ‘Buku Amalan HB&K Bermanual’ yang saya reka adalah salah satu alternatif bagi mengatasi masalah ini.

Kajian oleh majalah *Executive Feemale* dalam Maxwell (2011) menunjukkan 84 peratus majikan mahukan pekerja yang pandai berinteraksi berbanding hanya 40 peratus majikan yang mahukan pekerja yang mahir dan berpendidikan tinggi. Jika pekerja yang baik dianggap memerlukan kemahiran hubungan baik dalam berinteraksi dan bekerjasama, apatah lagi guru yang baik. Ini memotivasi saya untuk merancang, melaksana dan menulis serta menerbitkan ‘Buku Amalan HB&K Bermanual.’

Pemerhatian awal yang saya lakukan antaranya adalah seperti maklumat di bawah.



Rajah 1: Pemerhatian awal mendapati kedapatan pelajar menyisihkan diri dan tidak selesa bekerjasama dalam kumpulan

Jadual 1

Masalah Tingkah Laku Yang Dikenal Pasti Semasa Aktiviti Kumpulan (17 Jan. 2016)

| Bil | Tingkah laku | P. 1 | P. 2 | Jumlah |
|-----|---|------|------|--------|
| 1 | Membuat tugas sendiri sahaja | X | X | 2 |
| 2 | Memberi teputan kepada rakan yang selesai membentang tugas kumpulan | | | |
| 3 | Bercakap dengan ahli kumpulan | | | |
| 4 | Memberi idea dalam perbincangan aktiviti kumpulan | | | |
| 5 | Menulis pada kertas tugas kumpulan | | | |
| 6 | Duduk dalam kumpulan dengan selesa | X | | 1 |
| 7 | Menulis di buku/kertas sendiri | X | X | 2 |
| 8 | Senyum dengan rakan-rakan sekumpulan | | | |
| 9 | Turut serta dalam pembentangan kumpulan | | | |
| 10 | Membuat kerja sendiri semasa aktiviti kumpulan | X | X | 2 |

4. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI

1. Pelajar PPISMP dan PISMP sukar untuk bekerjasama dengan baik dalam aktiviti berkumpulan.
2. Amalan hubungan manusia yang lemah dalam kalangan mentee (PISMP) dan PPISMP (Kursus Pendidikan Moral) dalam aktiviti berkumpulan serta berpasangan semasa kuliah dan tutorial.
3. Pelajar cenderung mengkritik dan menyalahkan orang lain atas kelemahan dan kesilapan mereka sendiri.
4. Kedapatan ramai pelajar dan anggota masyarakat yang lemah dalam amalan asas hubungan manusia.
5. Kedapatan pelajar dan anggota masyarakat yang mengalami tekanan perasaan dalam mendepani hari-hari mereka, didapati berpunca daripada kelemahan amalan hubungan baik dan kerjasama dengan orang lain (Mohd Richard Neles Abdullah, 2014; Mohd Richard Neles Abdullah, 2015).

Menurut Dra. M.M Nilam Widyarini (2011) dan Carnegie, D. (2010):

“Hubungan yang baik dan kerjasama menghasilkan rasa kedamaian dan perasaan positif terhadap diri dan dunia. Tiada orang yang berasa selesa dalam situasi kehidupan yang tidak memiliki hubungan yang baik dengan orang lain, bahkan ia boleh menyumbang kepada depresi (kemurungan).”

Bahkan, menurut mantan Presiden Amerika Syarikat iaitu Theodore Roosevelt dalam Maxwell (2011) (26), “rahsia kejayaan paling penting adalah tahu bagaimana mahu mempunyai hubungan yang baik dengan orang lain.” Berdasarkan beberapa masalah, sorotan literatur dan pengalaman autentik hidup, saya menghasilkan Buku Amalan HB&K Bermanual ini.

5. INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN

5.1 Kaitan dengan PdP atau penyelidikan (*Inovasi pendekatan PdP*)


Inovasi P&P ini telah saya laksanakan terhadap;

- i. Pelajar Guru PPISMP (Kursus Pendidikan Moral).
- ii. Pelajar PISMP (Mentor-mentee).
- iii. Lapan orang Pelajar Praktikum Fasa 3 di bawah penyeliaan saya.

Selain daripada proses PdP, saya juga telah melaksanakan penyelidikan tindakan menggunakan inovasi ini bagi melihat kesan penggunaannya terhadap tiga daripada lapan orang pelajar Praktikum Fasa 3 di bawah seliaan saya. Tiga orang pelajar tersebut dipilih sebagai peserta kajian kerana mempunyai ciri-ciri kurang mesra dan kekok ketika melibatkan aktiviti dan perhubungan sosial di sekolah. Ia dilaksanakan ketika sesi bimbingan yang kedua dan ketiga. Data-data penyelidikan tindakan bagi menyokong daptatan juga diambil daripada pemerhatian dan temubual dengan pelajar semasa kuliah dengan pelajar PPISMP yang mengambil kursus Pendidikan Moral dan pelajar PISMP semasa sesi mentoring.

5.2 Deskripsi inovasi

Berikut merupakan ciri-ciri utama ‘Buku Amalan HB&K Bermanual’;



Rajah 2: ‘Buku Amalan HB&K Bermanual’ dengan tajuk komersialnya yang dicetak pada kulit buku sebagai ‘Amalan Hubungan Baik & Kerjasama (HB&K) Resepi Kebahagiaan’

Buku ilmiah ini membincangkan dengan bahasa yang agak santai dan disertai dengan tugas diakhir setiap bab (terdapat 10 bab prinsip) amalan HB&K (Hubungan baik dan kerjasama). Prinsip-prinsip ini merupakan sintesis yang dilakukan terhadap sorotan literatur daripada bahan bacaan yang ditulis oleh pakar-pakar hubungan manusia seperti Carnegie, (2010), Dra. M.M Nilam Widtarani (2011) dan Maxwell (2011). Selain itu, prinsip-prinsip ini juga telah mengambil kira prinsip-prinsip asal yang digunakan bagi inovasi Kit HB&K (Mohd Richard Neles Abdullah, 2015) (Kitaran 1 penyelidikan tindakan saya). Inovasi ‘Buku Amalan HB&K Bermanual’ ini merupakan penambahbaikan kepada inovasi Kit HB&K saya (juga merupakan kitaran kedua penyelidikan tindakan saya).

*Mohd Richard Neles Abdullah/ Buku amalan HB&K bermanual
(Pendidikan Moral)*


Prinsip-prinsip tersebut adalah: (P1) Jauhi daripada mengkritik, mengeluh dan mencerca, sebaliknya pilih penyelesaian berbeza, (P2) Beri penghargaan yang jujur, (P3) Berikan reputasi yang baik kepada orang lain untuk dipenuhi olehnya, (P4) Bersungguh-sungguh menaruh minat pada orang lain, (P5) Senyum, (P6) Ingat nama setiap individu, (P7) Bersopan-santun dan jadi pendengar yang baik, (P8) Bercerita mengenai minat orang lain, (P9) Bahagiakan orang lain, dan (10) Toleransi jadikan amalan hidup.

Berikut merupakan halaman kandungan ‘Buku Amalan HB&K Bermanual’ yang mengandungi 10 bab prinsip.

| KANDUNGAN | |
|--|-----|
| Kandungan | iii |
| Kata Alu-aluan Pengarah | v |
| IPG Kampus Batu Lintang | |
| Seuntai Kata Timbalan Pengarah | vi |
| IPG Kampus Batu Lintang | |
| Secebis kata Ketua Jabatan PIPK | vii |
| Secoret bicara Ketua Jabatan JAPIM | ix |
| Penghargaan | x |
| Kata Pendahuluan | xi |
| Pengenalan Kepada ‘Amalan Hubungan Baik & Kerjasama’ (HB&K) | 1 |
| Prinsip 1: Jauhi Daripada Mengkritik, Mengeluh dan Mencerca, sebaliknya Pilih Penyelesaian Berbeza | 5 |
| Prinsip 2: Beri Penghargaan Yang Jujur | 31 |
| Prinsip 3: Berikan Reputasi Yang Baik Kepada Orang Lain Untuk Dipenuhi Olehnya | 41 |
| Prinsip 4: Bersungguh-sungguh Menaruh Minat Pada Orang Lain | 48 |
| Prinsip 5: Senyum | 58 |
| Prinsip 6: Ingat Nama Setiap Individu | 67 |
| Prinsip 7: Bersopan-santun dan Jadi Pendengar Yang Baik | 79 |
| Prinsip 8: Bercerita Mengenai Minat Orang Lain | 86 |
| Prinsip 9: Bahagiakan Orang Lain | 93 |
| Prinsip 10: Toleransi Jadikan Amalan Hidup | 103 |
| Bibliografi | 111 |
| Indeks | 112 |
| Mengenai Penulis | 114 |
| Manual Penggunaan Buku | 115 |

Rajah 3: Halaman kandungan Buku Amalan HB&K Bermanual

Manakala, berikut merupakan halaman Manual Penggunaan Buku yang menjadi ciri utama inovasi buku ini selain daripada ciri-ciri isi kandungan buku ini sendiri yang mempunyai elemen-elemen pedagogi abad ke-21. Antara elemen yang terkandung di dalam manual penggunaan ini ialah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), kolaborasi, komunikasi dan pemikiran kreatif dan inovatif. Pelajar diberitahu dan digalakkan untuk membaca manual penggunaan buku ini terlebih dahulu sebelum mula membaca.



Rajah 4: Halaman Manual Penggunaan 'Buku Amalan HB&K Bermanual'

5.3 Tarikh dan kos

Inovasi ini dilaksanakan pada awal semester 1, 2016 iaitu bermula pada minggu ketiga (18 Januari 2016) setelah mengenalpasti beberapa masalah dalam kalangan pelajar. Antara masalah yang dikenalpasti ialah kesukaran pelajar untuk bekerjasama dengan baik semasa aktiviti berkumpulan serta berpasangan (Kuliah GPM1083: Pendidikan Moral) dan amalan hubungan manusia yang lemah dalam kalangan mentee (Mentoring bagi Kumpulan PISMP). Perbincangan yang menyentuh mengenai kandungan buku dan latihan diselitkan disepanjang kuliah semester 1 selepas sesi ceramah ringkas selama satu jam diberikan.

Kos percetakan dan penjilidan bagi mengeluarkan sebuah 'Buku Amalan HB&K Bermanual' ialah RM10.50 sahaja. Manakala kos penulisan, kajian literatur dan penghasilan buku ditaja oleh penulis sendiri.

5.4 Strategi penggunaan inovasi

Inovasi P&P ini dilaksanakan melalui 2 cara, iaitu:

- i. **Pembelajaran Kendiri.** Buku diedarkan secara percuma pada peringkat permulaan. Seterusnya melalui penjualan. Pelajar atau

sesiapa sahaja akan membaca sendiri dan melakukan tugas diakhir setiap bab prinsip yang terdiri daripada 10 prinsip.

ii. **Ceramah ringkas** menggunakan ‘Buku Amalan HB&K Bermanual’ selama satu jam pada permulaan kuliah. Pelajar dibimbing pembelajaran mereka berpandukan ‘Buku Amalan HB&K Bermanual’.

Berikut merupakan beberapa gambar sesi PdP menggunakan inovasi ‘Buku Amalan HB&K Bermanual’ yang telah saya laksanakan.



Rajah 5: Pelaksanaan di dalam kelas Pendidikan Moral (PPISMP)

Rajah 6: Pelaksanaan secara individu terhadap salah seorang daripada 8 orang pelajar praktikum Fasa 3 (Semester 1, 2016) dibawah bimbingan saya.



Rajah 7: Pelaksanaan semasa sesi Mentor-mentee (PISMP Ambilan Jun 2015)

5.5 Keadaan selepas inovasi

Beberapa kesan positif yang dikenalpasti selepas pelaksanaan inovasi ini boleh ditunjukkan oleh data-data penyelidikan tindakan berikut;



Rajah 8: Pemerhatian selepas 3 bulan pelaksanaan ceramah ringkas dan agihan ‘Buku Amalan HB&K Bermanual’ (26 April 2016) mendapati pelajar yang sebelumnya tidak selesa bekerjasama telah mula bekerjasama dengan baik dan selesa dalam aktiviti kumpulan.

Berikut pula data-data temubual dan soalan jenis terbuka yang dijawab oleh pelajar yang menjadi peserta penyelidikan tindakan saya;

(1.) Pelajar Guru PPISMP PJM & BMM Ambilan Jun 2015 (Kursus Pendidikan Moral)

Respon kepada soalan “Adakah penggunaan Buku Amalan HB&K Bermanual memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada)”:

- (1) “Ada. Saya menjadi lebih bijak dalam menangani hubungan manusia.” (Pelajar 1)
- (2) “Ya,dapat membantu menarik minat belajar kerana memberi kesan kepada emosi saya yang stabil.” (Pelajar 2)

Transkrip temubual dengan Pelajar 1 dan Pelajar 2 pada 26 April 2016.

(2.) Pelajar Guru PISMP Sejarah Ambilan Jun 2015 (Mentee)

Respon kepada Soalan “Adakah penggunaan Buku Amalan HB&K Bermanual memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada)”:

- (1) Mente 1, “Kawan saya menjadi lebih banyak, saya selalu senyum terhadap orang lain. Selain itu, ramai kawan-kawan saya suka dengan saya dan kawan memberi keyakinan kepada saya. Saya akan terus mengamalkan prinsip-prinsip HB&K.”
- (2) Mente 2, “Dengan mengaplikasikan prinsip ini, saya mampu bergaul dan berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling dengan lebih berkesan. Pergaduhan dan perselisihan faham dapat dikurangkan. Banyak aktiviti kelas dapat dijalankan dengan lebih lancar.”

Transkrip temubual dengan Mente 1 dan Mente 2 pada 29 April 2016.

(3.) Pelajar Praktikum Fasa 3 Yang Diselia (3 orang)

Respon kepada soalan jenis terbuka, iaitu “Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada)

- (1) “Ada. Saya menjadi lebih bijak dalam menangani hubungan manusia.” (Pelajar 1).
- (2) “Membantu dan memberi idea bagi cara-cara untuk berhubungan baik dengan murid-murid dan guru-guru.” (Pelajar 2)
- (3) “Tidak boleh mementingkan diri sendiri, sentiasa senyum dengan orang lain dan sentiasa mendengar cerita orang lain supaya orang suka pada kita.” (Pelajar 3)
- (4) “Menambahkan keyakinan saya.” (Pelajar 2)

Jadual 2


Pemupukan Sikap Bekerjasama Yang Dikenal Pasti Semasa Aktiviti Kumpulan (26 April 2016)

| Bil | Tingkah laku | P. 1 | P. 2 | Jumlah |
|-----|---|------|------|--------|
| 1 | Membuat tugas sendiri sahaja | | | 0 |
| 2 | Memberi tepukan kepada rakan yang selesai membentang tugas kumpulan | X | X | 2 |
| 3 | Bercakap dengan ahli kumpulan | X | X | 2 |
| 4 | Memberi idea dalam perbincangan aktiviti kumpulan | X | X | 2 |
| 5 | Menulis pada kertas tugas kumpulan | X | | 1 |
| 6 | Duduk dalam kumpulan dengan selesa | X | X | 2 |
| 7 | Menulis di buku/kertas sendiri | | | 0 |
| 8 | Senyum dengan rakan-rakan sekumpulan | X | X | 2 |
| 9 | Turut serta dalam pembentangan kumpulan | X | X | 2 |
| 10 | Membuat kerja sendiri semasa aktiviti kumpulan | | | 0 |

5.6 Perkongsian inovasi

Buku Amalan HB&K Bermanual ini turut dikongsikan dengan;

- i. Staf Pelaksana (Bengkel *Book's Review* di Pusat Sumber, IPG Kampus Batu Lintang pada 16 Februari 2016).
- ii. Pasukan Penyelidik SK Gogo, Bau 'Program Transformasi Sekolah dan Kemahiran Abad Ke-21'.
- iii. Pentadbir SK Gogo, Bau (Mac 2016 semasa Ceramah Perkongsian 'Program Transformasi Sekolah dan Kemahiran Abad Ke-21').
- iv. Pembentangan Peringkat Kebangsaan kertas kerja Penyelidikan Tindakan (Kitaran kedua PT) dalam Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (COSNA4) di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada 13 hingga 15 Mac 2016.
- v. Pensyarah dan Pegawai Pengurusan IPG Kampus Batu Lintang.
- vi. Inovasi dan Pameran Pendidikan sempena sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Sarawak 2016 pada 25 hingga 26 Mei 2016 di *The Summer Shopping Mall*, Kota Samarahan.
- vii. Pameran dan Aktiviti Inovasi sempena Karnival PAK 21 (Pedagogi Abad Ke-21) di Dewan Brooke, IPG Kampus Batu Lintang pada 20 Ogos 2016.

| | | |
|--|---|---|
|  |  |  |
| <p>Rajah 9: Bengkel Book's Review di Pusat Sumber, IPG Kampus Batu Lintang pada 16 Februari 2016</p> | <p>Rajah 10: Pembentangan kertas kerja Penyelidikan Tindakan (berkaitan inovasi ini) dalam Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (COSNA4) di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada 13 hingga 15 Mac 2016.</p> | <p>Rajah 11: Abstrak penyelidikan tindakan berkaitan dengan inovasi dalam buku program Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (COSNA4)</p> |

6. FAEDAH-FAEDAH DARIPADA INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN

Antara faedah inovasi ‘Buku Amalan HB&K Bermanual ini adalah sumbangannya melalui elemen-elemen;

- a. Pembelajaran kendiri (Literasi maklumat).
- b. Mudah diakses (Pelajar dibekalkan dengan Buku HB&K Bermanual) (buku berunsur hubungan baik sesama manusia berjaya meningkatkan tingkah laku bekerjasama, kemahiran komunikasi & kebahagiaan (Carnegie, 2010).
- c. Elemen Kolaboratif diakhiri setiap bab prinsip (Tugasan Lakonan) (Elemen Pedagogi Abad Ke-21).
- d. Pembelajaran Holistik (Tugasan menyatakan amalan prinsip hubungan manusia berdasarkan ‘Memoir Diari Harian’ iaitu pengalaman hidup sebenar.
- e. Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) melalui akses laman web penyelidikan dan kertas kerja yang dibekalkan dalam manual inovatif (Elemen penambahbaikan pembelajaran kooperatif dalam Pedagogi Abad Ke-21).
- f. Pembelajaran menerusi amalan melebihi teori.
- g. Pemupukan amalan hubungan baik dan kerjasama (hb&k menghasilkan rasa kedamaian & perasaan positif (Maxwell, 2011)).
- h. Mesra pengguna.
- i. Suasana kondusif (ikut masa lapang pembaca sendiri).
- j. Sesuai untuk pelajar generasi Y & Z yang lebih berdikari (membaca pada masa yang mereka sendiri gemari)

- k. Sesuai untuk generasi X yang lebih menyukai hardcopy.
- l. Penggunaan KBAT.

Rujukan

Carnegie, D. (2010). *How to win friends & influence people*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Dra. M.M Nilam Widtarani (2011). *Membangun hubungan antara manusia*. Kuala Lumpur: Synergy Media.

Maxwell, J. C (2011). The 21 indispensable qualities of a leader. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Mohd Richard Neles Abdullah (2014). Penggunaan buku ‘Bagaimana Memenangi Hati Kawan & Mempengaruhi Orang Lain’ bagi memupuk kerjasama kumpulan dalam kalangan pelajar PISMP. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG Kampus Batu Lintang*. 8, 25-36.

Mohd Richard Neles Abdullah (2015). Kaedah pengumpulan dan penyemakan data dalam kajian penggunaan Kit HB&K bagi memupuk kerjasama pelajar PISMP-PJJ. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG Kampus Batu Lintang*. 9, 13-25.

Mohd Richard Neles Abdullah (2015). Kit HB&K (Hubungan Baik Dan Kerjasama). *Koleksi Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran Tahun 2015 IPGK Batu Lintang*. 20-32.